

NIBONG TEBAL, 3 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI (DR.) MAHATHIR MOHAMED MENGINGATKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA MENENTUKAN PERJUANGAN Masing-masing BUKAN TERHAD SETAKAT KEPENTINGAN PARTI SENDIRI SAJA MALAH FAEDAH SEMUA RAKYAT PERLU DIUTAMAKAN.

KATANYA, JIKA MCA MAHU BERJUANG HANYA UNTUK KEPENTINGAN KAUM CINA SAJA, PARTI ITU TIDAK AKAN BERKESAN KERANA MEMBELAKANGKAN KEHENDAK-KEHENDAK KAUM YANG LAIN.

BERUCAP DALAM SATU MAJLIS CERAMAH KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK SUNGAI BAKAP, DUA BATU DARI SINI HARI INI, BELIAU JUGA MENASIHATKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA MEMBENDUNG PERASAAN Masing-masing DEMI MENJAMIN KEJAYANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERASAAN TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN BEBERAPA ANGGOTA BARISAN NASIONAL DALAM PEMBAHAGIAN KERUSI TIDAK SEHARUSNYA TIMBUL KERANA JANYA DIBUAT BERDASARKAN KEPADA BILANGAN PENDUDUK DI SESUATU KAWASAN.

BELIAU MENJELASKAN JIKA SATU KAWASAN MEMPUNYAI BILANGAN PENDUDUK CINA YANG LEBIH RAMAI, TENTU SEKALI SEORANG CALUN CINA DILETAKKAN DI SITU. TETAPI TERDAPAT JUGA CALUN CINA DI KAWASAN YANG MEMPUNYAI MAJORITY PENGUNDI MELAYU DAN SEBALIKNYA JUGA TERDAPAT SEORANG CALUN MELAYU DI KAWASAN YANG MANORITINYA PENGUNDI CINA. -- BERSAMBUNG 1800/YF

MAHATHIR 2 NIBONG TEBAL

DALAM HAL INI, BELIAU MENYERU SEMUA PENYOKONG BARISAN NASIONAL MENJAMIN KEJAYAAN CALUNNYA TANPA MENGIRA KAUM ATAUPUN PARTI YANG DIWAKILINYA DALAM BARISAN NASIONAL.

DATO SERI DR. MAHATHIR MEMBERIKAN PENJELASAN DEMIKIAN SEBAB TERDAPAT BEBERAPA ORANG CALUN UNTUK KERUSI PARLIMEN NIBONG TEBAL DAN JUGA BAGI KERUSI DEWAN NEGERI SUNGAI BAKAP DAN SUNGAI ACHEH ADALAH BEKAS AHLI MCA DAN JUGA UMNO.

MENURUT PENDUDUK DI KAWASAN SUNGAI BAKAP, DALAM KEMPEN CALUN-CALUN BEBAS INI, MEREKA TELAH MENDAKWA BAHAWA MEREKA AKAN MENYERTAI KEMBALI BARISAN NASIONAL JIKA MENANG.

+INI ADALAH TIDAK BENAR. BARISAN NASIONAL TIDAK ADA TEMPAT BAGI MEREKA YANG TELAH SESAT JALAN KERANA ARAHAN PUCUK PIMPINAN TIDAK DIPATUHI + TEGASNYA.

KATANYA, MEREKA INI TIDAK BOLEH DILAYAN KERANA TELAH MEROSAKKAN PERPADUAN PARTI DAN CUBA MEMPERLATAKAN PERASAAN PERKAUMAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA.

DATUK SRI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN PARA PENGUNDI BAHAWA DENGAN MEMILIH CALUN BEBAS AKAN HANYA MERUGSAN MEREKA KERANA CALUN-CALUN INI TIDAK MUNGKIN MENEPATI JANJI UNTUK MEMBANTU MEREKA. -- BERSAMBUNG 1802/YF

SE

8630

MAHATHIR 3 NIBONG TEBAL

+RAKYAT PERLU MEMILIH CALUN-CALUN YANG MENYERTAI KERAJAAN YANG DAPAT MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA MEREKA, + KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PILIHANRAYA BUKAN UNTUK KEPENTINGAN CALUN TETAPI ADALAH UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN.

KATANYA, +ADA KALANGAN YANG MENGANGGAP BAHAWA PILIHANRAYA ADALAH UNTUK MEMBOLEHKAN CALUN-CALUN MENDAPAT JAWATAN DAN MENERIMA TARAF +YANG BERTHORMAT+.

TURUT MENGIRINGI DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH ISTERINYA, DATIN SERI (DR.) SITI HASMAH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI KAMARUDDIN MAT ISA DAN CALUN BARISAN NASIONAL NIBONG TEBAL, DR. GOH CHENG TEIK. -- BERNAMA 1804/YF